

Brunei sertai Latihan ARDEX-18 di Chilegon



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Amir Hairil bin Haji Mahmud bergambar ramai bersama rombongan seramai 14 ahli dari Negara Brunei Darussalam sebelum berlepas ke Chilegon, Republik Indonesia bagi menyertai Latihan ASEAN Regional Disaster Simulation and Emergency Response Exercise 2018 (ARDEX-18).

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 November. - Rombongan seramai 14 ahli dari Negara Brunei Darussalam berlepas ke Chilegon untuk menyertai latihan ASEAN Regional Disaster Simulation and Emergency Response Exercise 2018 (ARDEX-18).

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohammad Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Latihan ARDEX-18 yang akan diadakan selama lima hari itu

dianjurkan bersama oleh Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) dan ASEAN Coordination Centre for Humanitarian Assistance and Emergency Response (AHA Centre) dengan tujuan untuk menguji cuba mekanisme penerimaan dan penyelarasan bantuan daripada luar negara selaras dengan Standard Operating Procedure for Regional Standby Arrangements and Coordination of Joint Disaster Relief and Emergency Response Operations (ASEAN SASOP).

Pasukan negara yang terdiri daripada seorang pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri, tiga perwakilan daripada Kementerian Kesihatan, dua pegawai daripada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), seorang wakil daripada Jabatan Daerah Belait, serta seramai tujuh perwakilan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat akan mengikuti program latihan seperti *information day, tabletop exercise, coordination exercise* dan *full scale exercise* di sepanjang latihan ini diadakan.

Khusus, bagi latihan tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan terlibat dalam proses menawarkan bantuan kumpulan penilaian yang berpekerakan ASEAN Emergency Response Assessment Team (ASEAN ERAT), serta kumpulan-kumpulan tindak balas *hazardous material* (hazmat),

mencari dan menyelamatkan (SAR) dan perubatan semasa latihan ini.

Latihan pada tahun ini juga akan melibatkan penyertaan daripada sektor-sektor awam, ketenteraan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan yang berkepentingan bertindak dalam menangani senario bencana berikutan daripada kejadian gempa bumi dan tsunami.

Juga hadir bagi mengucapkan selamat belayar adalah Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan merangkap Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Latihan ARDEX ini diadakan setiap dua tahun sekali dan dianjurkan bersama AHA Centre dengan negara-negara Ahli ASEAN selaras dengan perjanjian dan usahasama ASEAN

Agreement on Disaster Management and Emergency Response 2009 (AADMER).

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara Ahli Jawatankuasa ASEAN mengenai Pengurusan Bencana (ASEAN Committee on Disaster Management - ACDM).

Latihan serantau ini merupakan komitmen negara dalam mendukung hasrat serantau untuk mencapai visinya ke arah 'One ASEAN One Response', iaitu tindakan bersepadu pelbagai sektor dalam menyumbang kepada negara yang terjejas oleh bencana alam berskala besar.

Pada tahun 2016, Negara Brunei Darussalam telah turut menjadi tuan rumah dan menganjurkan Latihan ARDEX-16 untuk menguji cuba kapasiti kebangsaan dalam penerimaan bantuan dan seterusnya mengurangkan bencana dengan kerjasama pelbagai sektor di dalam dan luar negara.

UGT, UNISSA tingkat keupayaan individu yang kompetitif



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bergambar bersama johan Persembahan Terbaik Keseluruhan, Kumpulan Al-Haq.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Kokurikulum, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PIIB) baru-baru ini buat pertama kalinya menganjurkan Program UNISSA Got Talent (UGT).

Hadir selaku tetamu kehormat pada program berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada para peserta.

Hadir sama pada program tersebut ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad dan Pengarah PIIB, Dr. Adam bin Haji Jait selaku Pengerusi Majlis.

Hampir 100 mahasiswa ikut serta pada Program UGT tersebut dengan mempersembahkan bakat masing-masing mengikut kategori

yang dipertandingkan.

Pada pertandingan Taramum Al-Quran Berkumpulan, ia dimenangi oleh Team Qari 'A', manakala juara pertandingan Tausyeh disandang oleh Kumpulan al-Hijrah. Pertandingan Hafazan pula dimenangi oleh Dayang Maisaroh Milatul Mukarromah.

Bagi Pertandingan Ciptaan Tayangan Video Terbaik diuarai oleh kumpulan mahasiswa tahun 2 berjudul 'UNISSA ku'.

Kategori Pengucapan Umum pula dimenangi oleh Dayang Muslimah binti Mahadi dan juara Foto Terbaik diraih oleh Awang Mohamad Afiq Hasif bin Abu Bakar.

Show Your Talent merupakan persembahan mengikut bakat peserta yang diuarai oleh Kumpulan Al-Haq selaku johan Persembahan Terbaik

Keseluruhan.

Aktiviti pada petang tersebut juga dimeriahkan dengan Persembahan Karate terdiri daripada mahasiswa UNISSA dan Persembahan Skuad Statik dan Kadet Tentera UNISSA.

Program bercorak mencungkil bakat ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti mahasiswa yang mempunyai potensi untuk menjadi wakil UNISSA pada masa akan datang setelah mengikuti bengkel yang pernah dihidari.

Program itu memberi ruang kepada mahasiswa untuk menunjukkan bakat dan kebolehan masing-masing, di samping meningkatkan kemahiran diri mahasiswa untuk lebih berani tampil di hadapan khalayak umum.

Selain itu, aktiviti itu juga untuk meningkatkan keupayaan mereka sebagai individu yang kompetitif dan berpotensi untuk menjadi pemimpin masyarakat pada masa hadapan.

Perkhidmatan Perubatan Neurologi, Neurosurgeri dan Pemulihan berpindah ke bangunan PJSC mulai 5 November

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 November. - Kementerian Kesihatan dengan ini memaklumkan kepada orang ramai mengenai Pemindahan Perkhidmatan Perubatan Neurologi, Neurosurgeri dan Pemulihan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) ke bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), Jerudong mulai Isnin, 27 Safar 1440 Hijrah bersamaan 5 November 2018 Masihi.

Pemindahan perkhidmatan ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi membolehkan ia dapat dibuat dengan ber sistematik dan tersusun.

Dengan pemindahan ini, pakar-pakar akan mula memberikan perkhidmatannya di bangunan PJSC. Setiap pesakit yang mendapat *referral* dari mana-mana hospital ataupun pusat-pusat kesihatan akan dirawat di PJSC.

Walaupun bagaimanapun, Hospital RIPAS masih lagi memberikan perkhidmatan pesakit luar dan dalam kepada sesetengah pesakit yang tidak dapat dipindah ke PJSC atas sebab-sebab tertentu seperti pesakit yang memerlukan kepakaran-kepakaran lain di Hospital RIPAS.

Orang ramai yang mempunyai perjanjian dengan bahagian berkenaan adalah dinasihatkan untuk mengikut arahan perjanjian masing-masing sepertimana yang akan dimaklumkan oleh kakitangan kejuruteraan di Perkhidmatan Neurologi, Neurosurgeri dan Perubatan Rehabilitasi untuk mengesahkan semula tarikh, masa dan tempat bagi jadual perjanjian seterusnya melalui telefon.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai penetapan semula perjanjian, orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Pelanggan di PJSC melalui talian +673 2613333 sambungan (8) 2451 atau e-mel ke enquiries@pjschrunei.com.

Waktu operasi di PJSC bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada Isnin hingga Khamis dan dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari serta 2.00 petang hingga 5.00 petang pada Jumaat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pemindahan ini, orang awam boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn; hubungi Unit Perkhidmatan Pelanggan Hospital RIPAS melalui talian +673 2240285 (waktu operasi); hubungi Perkhidmatan Pelanggan di PJSC melalui talian +673 2613333 (waktu operasi) atau menghubungi Talian Darussalam 123.